

# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA CAWANG/SKUADRON DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2991-kejohanan-sepak-takraw-antara-cawang-skuadron-di-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2991-kejohanan-sepak-takraw-antara-cawang-skuadron-di-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 31 Jan 18 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Kejohanan Sepak Takraw antara Cawang/Skuadron 2018 yang telah berlangsung di Dewan Serbaguna Pangkalan Udara Gong Kedak selama 3 hari bermula 29 Jan 18 hingga 31 Jan 18.

Antara pasukan yang terlibat pada kejohanan tersebut adalah No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Gabungan Tadbir/Provos, Cawang Material dan Gabungan Kontraktor. Kejohanan Sepak Takraw 2018 ini telah menyaksikan aksi hebat Pasukan Skuadron Bantuan Operasi yang telah dinobatkan sebagai Johan selepas menewaskan pasukan daripada Cawang Kejuruteraan diperlawanan akhir. Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir ini ialah Ketua Skuadron Bantuan Operasi, Lt Kol Hj Khalid bin Hamzah TUDM dan Ketua Cawang Kejuruteraan, Lt Kol Nornizam bin Kamarudin TUDM serta Pegawai-pegawai dan Anggota LLP Pangkalan Udara Gong Kedak.



